



English | Malay | Mandarin | | Español

TENTANG BERNAMA AM POLITIK EKONOMI SUKAN RENCANA DUNIA E-NEWSLETTER WEB TV ARKIB INFOGRAFIK

Breaking News / Berita Tergempar

Laman Mikro » Perbankan & Kewangan • Auto • Penerbangan • Maritim • Pendidikan • Hartanah • Belia • eBiz S  Berita  Who's Who

EKONOMI > BERITA

# Perumahan Felda Dijangka Bermula Dalam Tempoh Sehingga Dua Bulan Lagi

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Pembinaan kediaman teres setingkat di bawah program Perumahan Generasi Baharu Felda dijangka bermula dalam tempoh satu atau dua bulan lagi, kata Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Beliau berkata sebanyak 11,530 unit kediaman di bawah program itu akan dibina di seluruh negara dengan nilai pembangunan kasar RM1 bilion, bagaimanapun, ia mengalami kelewatan pembinaan disebabkan masalah mekanisme pembiayaan.

"Perkara itu telah selesai dengan kita memilih inisiatif pendanaan swasta melalui Putra Star Investment Holdings Pte Ltd.

"Kita melantik Terranova Builders Sdn Bhd sebagai pemaju perumahan," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian antara Putra Star, Terranova dan Perumahan Felda Sdn Bhd untuk menjalankan pembinaan tersebut di sini, Selasa.

Mohd Isa berkata Perumahan Felda telah mengenal pasti lokasi sesuai di seluruh negara dan ketiga-tiga syarikat itu sedang menunggu kelulusan pihak berkuasa tempatan berkaitan.

Projek perumahan itu akan menggunakan Sistem Binaan Berindustri (IBS) untuk memastikan setiap projek disiapkan dalam jangka setahun, katanya.

"Sebaik sahaja kita memperoleh kelulusan diperlukan, kerja-kerja tanah akan dimulakan dan melaksanakan pembinaan menggunakan IBS," katanya dengan menambah, kediaman berkenaan akan berharga daripada RM70,000 dan ke atas.

Sementara itu, mengenai fasa ketiga projek hartanah Felda Investment Corp di Wembley, London, Mohd Isa berkata ia masih dibincangkan.

Cadangan projek tersebut melibatkan pembinaan hotel, unit pangsapuri dan ruang pejabat.

-- BERNAMA

### Berita Utama Terdahulu

Banjir: Empat Sungai Di Terengganu Kini Melebihi Paras Bahaya  
Harith Iskander Terima Pengiktirafan Kementerian Komunikasi Dan Multimedia  
30 Sekolah Di Kelantan Ditutup Esok Akibat Banjir

### Berita Terkini Lain

JPS Digesa Selenggara Kolam Takungan Banjir Sungai Midah- politik  
Qualitas Akan Buka 3 Pusat Penjagaan Harian Pada 2017- ekonomi  
Kerajaan Negeri, KAFA Cari Jalan Pastikan Kelantan Sertai Liga-M 2017- sukan  
Hobi Bermotosikal Menjadikan Labuan Hab Bikers- rencana  
India Test Fires 4,000-km Ballistic Missile- dunia

### Berita Pilihan Tertinggi

Banjir: Tiga Sekolah Di Terengganu Terpaksa Ditutup Pagi Ini  
Banjir: Empat Sungai Di Terengganu Kini Melebihi Paras Bahaya  
Harith Iskander Terima Pengiktirafan Kementerian Komunikasi Dan Multimedia

iklan

>> Senarai Berita

Ketahui perkembangan dunia perniagaan dan ekonomi Malaysia menerusi **MALAYSIA eBiz** Mingguan Versi Bahasa Inggeris

Laman Utama | Sitemap | Hubungi Kami | Am | Politik | Ekonomi | Sukan | Rencana | Dunia | Senarai Berita | Arkib Berita | Suapan RSS

© 2017 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. Penafian | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan  
Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.  
Paparan terbaik menggunakan Firefox 35.0.1 & Internet Explorer 8.0 dalam resolusi 1024 x 768 piksel

Hubungi kami 03-26939933 | Emel helpdesk@bernama.com